

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**

**SOALAN NO. 309**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi dalam menyuntik kesedaran tentang penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) di sektor pembinaan tempatan dan sejauh mana kesedaran ini mendapat sambutan daripada orang ramai dan syarikat pembinaan itu sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengambil inisiatif bagi mempromosikan Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) semenjak 1999 berdasarkan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada sistem tersebut. Antara kelebihan sistem IBS adalah penggunaannya yang selamat, mengurangkan masa pembinaan, kawasan tapak bina yang bersih dan meningkatkan produktiviti industri pembinaan. Bagi projek projek Kerajaan, tahap pencapaian pelaksanaan penggunaan IBS adalah pada kadar yang makin meningkat iaitu 86.7%, sementara itu dalam sektor swasta kadar penggunaan IBS masih rendah iaitu pada kadar 40%.

Antara cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan dalam mempromosikan IBS adalah seperti berikut:

- a) Ramai kontraktor yang masih mengekalkan penggunaan sistem dan proses pembinaan secara konvesional ini kerana telah terbiasa dengan amalan yang diguna pakai sejak sekian lama; dan
- b) Kontraktor perlu membayar kos pendahuluan kepada pengeluar IBS sebelum komponen IBS sampai di tapak bina disebabkan pengeluar IBS telah menghasilkan komponen IBS di kilang terlebih dahulu sebelum dihantar ke tapak bina.

Walau bagaimanapun, memandangkan teknologi IBS ini merupakan sebahagian daripada agenda industrialisasi secara global dan digunakan secara meluas di negara-negara maju, maka pihak Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha bagi mempromosikan sistem IBS, khususnya melalui *Construction Industry Transformation Programme* (CITP). Sekian, terima kasih.